

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

25. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai program pendidikan untuk memupuk keharmonian di antara kaum melalui persefahaman perbezaan di antara satu sama lain?.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri tidak mempunyai program khusus mengenai pendidikan berkaitan keharmonian kaum. Walau bagaimanapun atas kesedaran bahawa keharmonian adalah penting dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Persekutuan dan beberapa agensi telah menjalankan beberapa program atau aktiviti seperti berikut:

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia

Dalam memupuk perpaduan dan keharmonian antara pelbagai kaum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan, singkatannya RIMUP sejak tahun 1986. Program ini pada awalnya dilaksanakan di peringkat sekolah rendah sahaja, namun begitu pelaksanaannya diperluaskan kepada semua sekolah mulai tahun 2005.

Objektif utama RIMUP ialah menyediakan ruang dan peluang kepada murid dari pelbagai kaum dan etnik untuk bergaul mesra secara sedar dan terancang. Proses

Commented [1]: <!--<div class="row">-->

Commented [2]: START TABLE 1

Commented [3]: <!--<tr>  
... <th colspan="2" class="text-center">02&nbsp;OGOS&nbsp;2018</th>  
... </tr-->

memupuk perpaduan ini diterapkan dalam jiwa sanubari murid-murid dari awal bangku persekolahan memandangkan ianya waktu yang paling sesuai dalam membentuk rangka, atau *framework* dalam minda dan jiwa murid-murid agar dapat menerima perbezaan antarapelbagai kaum. Matlamat RIMUP adalah untuk melahirkan generasi Malaysia yang mempunyai identiti nasional yang kukuh serta dapat menerima dan menghayati hakikat kepelbagaian kaum di Malaysia.

Program RIMUP ini menggalakkan penglibatan bukan sahaja guru dan murid, malah ianya melibatkan sekali ibu bapa, komuniti dan masyarakat setempat dalam menjalankan aktiviti serta menggunakan kemudahan, peralatan dan pengembelengan tenaga dan kepakaran bersama. Program RIMUP dilaksanakan melalui lima (5) elemen utama iaitu:

- (i) Akademik
- (ii) Jati Diri dan Patriotisme
- (iii) Kebudayaan dan Kesenian
- (iv) Khidmat Masyarakat
- (v) Sukan dan Permainan

Kesemua elemen utama dalam RIMUP ini diterapkan dalam diri murid melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum seperti perkhemahan, perarakan Hari Kebangsaan, pertandingan-pertandingan sukan, program-program khidmat masyarakat dan pertandingan-pertandingan kebudayaan dan kesenian. Arahan mengenai pelaksanaan RIMUP bagi semua sekolah- sekolah di

bawah KPM terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.10 Tahun 2005 bertajuk Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bertarikh 23 Disember 2005 yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

(b) Jabatan Belia Sukan Negeri Pulau Pinang

Jabatan Belia Sukan Negeri Pulau Pinang pula terdapat beberapa program yang dilaksanakan untuk memupuk unsur keharmonian antaranya Program-Program Jati diri dan Program Kepimpinan untuk Belia dan Beliawanis. Program Jati Diri ini berobjektif juga untuk membentuk semangat jati diri yang kental di kalangan para peserta di samping melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Program Kepimpinan pula melibatkan aktiviti-aktiviti secara berkumpulan yang terdiri daripada berbilang kaum. Program sampingan antaranya *homestay*, khidmat komuniti, cabaran lasak turut diadakan bagi mengeratkan hubungan dan perpaduan peserta.

(c) Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Pulau Pinang (JPNINPP)

JPNINPP berperanan menubuh dan menguruskan Tabika Perpaduan (Taman Bimbingan Kanak-Kanak). Tabika Perpaduan ditubuhkan bagi menyediakan pendidikan awal kanak-kanak berumur 4-6 tahun untuk membolehkan mereka menghayati nilai-nilai perpaduan, hidup bermasyarakat serta persediaan ke alam persekolahan kelak. Antara objektif utama penubuhan Tabika Perpaduan adalah untuk menyemai dan memupuk semangat muhibah, kejiranan dan perpaduan di kalangan kanak-kanak dan mengeratkan

hubungan serta memupuk perpaduan di kalangan ibu bapa dan masyarakat. Sehingga Julai 2018 sebanyak 116 Tabika Perpaduan telah ditubuhkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang.

JPNINPP melalui penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) turut mengadakan Forum Antara Agama yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan keharmonian antara agama khususnya di Pulau Pinang. Penyertaan kumpulan-kumpulan agama adalah agama Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Tao dan Baha'i. Forum yang dijalankan dapat memberi pendedahan dan pengetahuan serta kemahiran toleransi di peringkat komuniti terhadap keharmonian agama selain memberi peluang komuniti untuk berinteraksi dalam satu medium forum. Selain itu persefahaman dan keharmonian antara agama boleh dicapai melalui medium dialog, kebersamaan dalam tindakan dan penyertaan serta meningkatkan kesedaran dan pemahaman dalam kalangan pemimpin agama, serta melengkapkan pemimpin-pemimpin agama dan masyarakat dengan pengetahuan, kemahiran dan alat bantu yang bersesuaian bagi tindakan pencegahan, menjalankan mediasi, tranformasi dalam mewujudkan keamanan negara. Program Forum Antara Agama ini merupakan salah satu projek *Touch Point* yang dilulus oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM)

Program Silang Budaya yang dianjurkan oleh Kelab Rukun Negara dan Sekreteriat Rukun Negara, pelajar, mahasiswa dan ahli komuniti dapat meningkatkan kefahaman dan penerimaan serta memupuk sikap menghormati dan memahami kepelbagaian budaya, agama, bahasa, pantang larang, makanan dan adat

resam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Melalui kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi, program silang budaya dianjurkan berperanan besar memberi pendedahan awal dari usia muda mengenai kepentingan memahami dan menerima kepelbagaian budaya antara kaum akan melahirkan generasi yang lebih sensitif dengan keperluan rakan kaum yang lain. Ini secara langsung memberi kesan yang positif dalam aspek pergaulan di tempat kerja dan hidup bermasyarakat.

```
Commented [4]: <!--<table><tbody>
... <tr>
... <td width="30%" height="20" valign="top"
class="text-left">ID482/PSUKPP (Bahagian DUN)</td>
... <td class="text-center" valign="top"
align="center"><div id="pageFooter"></div></td>
... </tr>
... </tbody>
...</table-->
```